

# Inspirasi Akademia

EDISI 2/2024





## 89 Program Akademik

- Sarjana Muda: 35 program
- Siswazah: 50 program
- Tamhidi: 4 program

## 1 Pusat Kecemerlangan

International Fatwa & Halal Centre (IFFAH)

## 9 Fakulti

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Syariah dan Undang-undang
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains Dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

## 840 orang Ahli Akademik

- Ahli Akademik Tempatan: 794 orang
- Ahli Akademik Antarabangsa: 46 orang

## Visi PKAUSIM

Peneraju Kecemerlangan dan Kesejahteraan Akademia


## Misi PKAUSIM

Memperkuuh Keharmonian dalam Kalangan Akademia Melalui Pendekatan yang Inklusif dan Berkesan

## Objektif PKAUSIM

1. Untuk menjaga dan mempertingkatkan kepentingan, kebajikan dan perhubungan silaturahim ahli-ahlinya dalam suatu pertubuhan berdaftar.
2. Untuk menjadi platform penghubung tara dan kerjasama antara ahli-ahli PKAUSIM dengan pengurusan tertinggi USIM.
3. Untuk bekerjasama dan menyelaraskan pelbagai usaha dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Persatuan pegawai akademik IPTA lain dalam pelbagai hal.
4. Untuk menyebarluaskan pendapat bermaklumat tentang pelbagai aspek kepentingan akademik melalui penerbitan, seminar, dan sebagainya.

## Sumbangan PKAUSIM Jan - Dis 2024





*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, sekali lagi PKAUSIM telah berjaya menerbitkan Inspirasi Akademia Edisi ke-2 2024 sebagai rumusan laporan tahunan bagi bulan Julai hingga Disember 2024. Dalam edisi ini, Inspirasi Akademia menampilkan pelbagai aktiviti dan program yang telah dijalankan untuk manfaat ahli akademik USIM, melibatkan pelbagai aktiviti dan program berimpak dalam aspek akademik, penerbitan, fizikal, mental serta kesukarelawanan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli akademik USIM yang telah memberikan sokongan padu kepada Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) sepanjang tahun ini. Laporan tahunan ini adalah bukti komitmen dan dedikasi kita semua dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang.

Tahun 2024 telah menyaksikan pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan profesionalisme staf akademik USIM. Dari sudut akademik, kebajikan, pengurusan, hingga kesejahteraan mental, setiap program yang dijalankan adalah hasil usaha bersama yang tidak ternilai. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Biro Komunikasi dan Promosi PKAUSIM serta ahli jawatankuasa yang telah bekerja keras dalam memastikan kejayaan penerbitan berinspirasi ini. Tanpa komitmen dan kesungguhan kalian, penerbitan ini tidak akan dapat direalisasikan.

Harapan saya adalah agar penerbitan ini dapat menjadi sumber inspirasi dan rujukan maklumat gerak kerja serta peranan PKAUSIM kepada semua ahli akademik USIM. Semoga kita terus bersatu dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap aspek kehidupan akademik kita. Terima kasih sekali lagi atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Semoga tahun-tahun mendatang akan membawa lebih banyak kejayaan dan kemajuan kepada kita semua.

Selamat membaca!

**Profesor Dr. Azman Ab Rahman**

Presiden

Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) 2024-2026

## Dari Meja Editor



*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang*

*Assalamualaikum  
warahmatullah  
wabarakatuh*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan PKAUSIM Edisi Kedua, 2024. Laporan ini mencerminkan komitmen dan usaha gigih persatuan dalam menyokong serta memperkuuh peranan ahli akademik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di persada nasional dan antarabangsa.

Sebagai sebuah institusi yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli, USIM terus menjadi peneraju dalam memperkasakan pendidikan tinggi Islam di Malaysia. Dalam konteks ini, PKAUSIM memainkan peranan penting sebagai wahana untuk memperjuangkan kepentingan ahli akademik serta mendukung pembangunan ekosistem akademik yang inklusif dan progresif.

Sehingga kini, PKAUSIM berfungsi sebagai platform utama bagi ahli akademik untuk menyuarakan pandangan, berkongsi cadangan, dan mencadangkan solusi yang relevan terhadap cabaran semasa dalam bidang pendidikan dan penyelidikan melibatkan hala tuju dan manfaat masa depan masyarakat, agama dan negara. Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang setiap tahun untuk memastikan warga akademik USIM terus kompeten, relevan, dan berperanan bukan sahaja di bilik kuliah

tetapi juga dalam masyarakat.

Laporan Tahunan PKAUSIM ini diterbitkan dengan tujuan untuk mendokumentasikan aktiviti yang telah dijalankan serta merancang inisiatif masa hadapan. Aktiviti-aktiviti ini meliputi tiga teras utama: pengurusan, akademik, dan kebajikan, yang dipaparkan secara terperinci untuk rujukan dan tatapan umum. Diharapkan penerbitan laporan ini akan menjadi pemangkin semangat kepada staf akademik USIM untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti anjuran PKAUSIM saban tahun untuk mengimbangi tanggungjawab dan peranan ahli akademik USIM di samping mengeratkan ukhwah antara satu sama lain.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan laporan ini, khususnya Biro Multimedia dan Komunikasi, PKAUSIM. Diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi manfaat bersama.

Bunga melur harum baunya,  
Tumbuh mekar di tepi titi,  
Terima kasih atas sokongan semua,  
Moga usaha murni kami diberkati Ilahi.

Selamat membaca!

Biro Multimedia dan Komunikasi,  
Persatuan Kakitangan Akademik USIM  
(PKAUSIM)

# Mesyuarat Exco PKAUSIM 2024

Sepanjang suku tahun kedua 2024 tiga sesi Mesyuarat Exco Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah diadakan (Jadual 1). Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan aktiviti dan inisiatif PKAUSIM bagi memastikan kelancaran perancangan serta pelaksanaan program persatuan. Tujuan mesyuarat exco diadakan untuk membincangkan hala tuju PKAUSIM, pembentangan kertas kerja, memantau pelaksanaan program dan aktiviti PKAUSIM yang telah dirancang sepanjang tahun 2024 dan akhirnya menilai impak aktiviti yang telah dilaksanakan. Setiap biro yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan program akan membentangkan hasil maklum balas yang diterima dari pelbagai pihak yang terlibat. Justeru, setiap sesi mesyuarat pelbagai alternatif dirangka untuk memastikan setiap aktiviti yang berlangsung akan mendapat perhatian dan penglibatan ahli akademik USIM secara keseluruhan. Antara agenda utama sepanjang siri mesyuarat berlangsung adalah:

- a. Pembentangan laporan aktiviti separuh tahun.
- b. Perbincangan mengenai program kebajikan dan pembangunan akademik.
- c. Penambahbaikan struktur organisasi dan pengurusan PKAUSIM.

Seterusnya, mesyuarat ini telah memberikan impak yang signifikan kepada pelaksanaan operasi tadbir urus dan pemantau biro PKAUSIM melalui program PKAUSIM yang dianjurkan, antaranya:

- a. Peningkatan keberkesanan aktiviti melalui cadangan dan maklum balas daripada ahli exco telah membantu menambah baik pelaksanaan aktiviti untuk tahun semasa dan tahun akan datang.
- b. Penyelaras strategi melalui perancangan aktiviti yang bersesuai dan seimbang dari aspek profesional dan fizikal selaraskan dengan keperluan ahli akademik USIM dan komuniti.
- c. Pengukuhan Peranan PKAUSIM sebagai nadi ahli akademik dan platform utama untuk menyuarakan

pandangan dan memacu inisiatif akademik di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Mesyuarat Exco PKAUSIM 2024 telah berjaya mencapai objektifnya dalam merangka perancangan strategik dan memastikan program PKAUSIM terus relevan serta bermanfaat kepada ahli akademik USIM.

Butiran	Tarikh	Tempat
Mesyuarat Exco PKAUSIM Bil. 4/2024	10 Julai 2024	Movenpick Convention Centre, Sepang
Mesyuarat Exco PKAUSIM Bil. 5/2024	2 Ogos 2024	BMU, FKP
Mesyuarat Exco PKAUSIM Bil. 6/2024	23 Oktober 2024	Bilik Mesyuarat IFFAH, FSU



## Bengkel PKAUSIM Fi Qalbi: Masa Depan Kerjaya Akademia & Kenaikan Pangkat di USIM

Pada 29 November 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM telah diadakan bengkel PKAUSIM Fi Qalbi. Bengkel menjadi platform komunikasi dua hala antara ahli panel jemputan dan kakitangan akademik terutama melibatkan pensyarah muda. Selain itu, bengkel ini memberi pencerahan dan perkongsian mengenai kerjaya sebagai staf akademik serta proses kenaikan pangkat, sekali gus menyuntik motivasi kepada semua peserta untuk terus cemerlang dalam bidang masing-masing.

Sesi ini menampilkan dua panel yang berpengalaman luas dalam bidang tujahan masing-masing. Panel pertama, Prof. Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam bin Hj. Mohamad Isa, mewakili bidang Sains, manakala Prof. Dato Dr. Zulkiple Abd Ghani dari bidang Sains Sosial turut serta sebagai panel kedua manakala Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali sebagai moderator yang telah mengemudi sesi bengkel dengan lancar. Sepanjang bengkel berlangsung, kedua panel berkongsi pengalaman, idea dan pandangan mengenai kerjaya seorang pensyarah universiti dan menjawab persoalan-persoalan yang diajukan dengan ringkas dan padat.

Bengkel ini memberikan ruang kepada para peserta untuk memahami dengan lebih mendalam cabaran dan peluang dalam kerjaya

akademik. Selain itu, ia juga memberi panduan praktikal tentang strategi untuk mencapai kenaikan pangkat, seajar dengan aspirasi universiti untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Semoga program ini dapat menyuntik semangat semua staf akademik untuk menanam impian menjadi seorang pakar dalam bidang masing-masing serta berbakti kepada universiti, masyarakat, dan negara.



## International Coastal Cleanup 2024



Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) dengan kerjasama syarikat Coca Cola telah berjaya menganjurkan program berunsurkan kelestarian alam sekitar pada pada 24 Ogos 2024 bertempat di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson. Program ‘International Coastal Cleanup’ ini bertujuan untuk menerapkan rasa tanggungjawab peserta sebagai masyarakat supaya menjaga kebersihan alam sekitar dan seterusnya mengeratkan silaturrahim antara masyarakat, para peserta dan ahli keluarga yang terlibat.


Program ini menyaksikan penyertaan yang menggalakkan daripada pelbagai

lapisan masyarakat, termasuk staf akademik, pelajar dan para pengunjung. Aktiviti pembersihan pantai bermula pada jam 8.30 pagi selepas sesi ucapan aluan dari wakil syarikat dan pengarah PKAUSIM. Selepas pembahagian kumpulan mengikut kawasan yang dikenal pasti aktiviti kutipan dan pengumpulan sampah dilakukan bersama-sama untuk memastikan kawasan pantai bebas daripada pencemaran.

Kerjasama erat antara ahli PKAUSIM dan syarikat Coca Cola dalam menjayakan program ini turut mencerminkan komitmen bersama



antara dua agensi untuk memelihara kelestarian alam sekitar dan memupuk rasa tanggungjawab untuk menjaga kebersihan bersama-sama. Program tamat pada jam 1.00 tengah hari dan diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan untuk mendidik generasi muda tentang kepentingan menjaga alam sekitar serta memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat setempat.





## Karnival Sukan PKAUSIM

Buat julung kalinya PKAUSIM telah berjaya menjalankan Karnival Sukan 2024 pada 4 September 2024 bertempat di Kompleks Sukan Tuanku Najiha, USIM. Karnival ini Berjaya menghimpunkan hampir 400 orang staf akademik dari semua fakulti di USIM. Karnival ini dirasmikan oleh Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani dan turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi USIM. Karnival ini bertujuan untuk menanamkan semangat kesukanan dan kebersamaan dalam diri staf akademik di USIM dan tidak hanya tertumpu kepada peranan hakiki sebagai seorang ahli akademik semata-mata. Acara dimulakan dengan perbarisan dan perarakan dalam kalangan atlet yang mewakili fakulti yang bertanding dan disusuli acara PKA Fun Run 800 meter. Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah futsal, bola jaring, bola tampar, ping pong, karom dan catur.

Amat membanggakan apabila penyertaan amat memberangsangkan dalam semua acara yang dipertandingkan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan, dan mencerminkan semangat kesepadan dan kerjasama antara peserta. Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan manakala Fakulti Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) sebagai naib juara. Ada rezeki kita berjumpa lagi tahun hadapan.



## **Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2024)**

Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS2024) edisi ke-7 telah berjaya dianjurkan secara bersemuka pada 26 September 2024 PKAUSIM bertempat di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), USIM. Seminar kali ini telah berjaya menghimpunkan hampir 180 pembentangan secara dalam talian dan bersemuka meliputi kertas kerja dalam tiga bahasa utama Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab.

Bertemakan “Memacu Prinsip Madani dalam Sains Islam”. Tema ini dipilih untuk memartabatkan nilai-nilai madani dalam penyelidikan, selaras dengan usaha kerajaan yang menerangkan enam rukun iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteran), D (Daya cipta), A(hormAT), N (keyakiNan) dan I (Ihsan) yang yang menjadi tonggak dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

Bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan penyelidikan dan kajian ilmiah melalui pembentangan kertas kerja pelbagai bidang kajian telah dibentangkan untuk memberi manfaat berpanjangan

kepada gagasan fikiran ahli akademik di dalam dan luar negara.

Antara objektif penganjuran seminar SAIS 2024 adalah untuk memperkuuh integrasi antara ilmu Islam dan sains melalui penyelidikan dan perbincangan ilmiah yang mendalam dalam kalangan ahli akademik institusi pengajian tinggi awam dan swasta, memberikan ruang kepada ahli akademik untuk membentangkan dapatan kajian mereka dan berkongsi idea serta inovasi dari pelbagai bidang di samping mewujudkan peluang untuk membina jaringan akademik antara peserta dan pembentang dari pelbagai institusi dan latar belakang ilmu. Selain itu, seminar ini membantu memperluas rangkaian profesional ahli akademik dan membuka peluang kolaborasi untuk projek penyelidikan atau penerbitan bersama untuk terus berinovasi dan menyumbang kepada pembangunan ilmu.

Saban tahun, penganjuran seminar ini akan menjadi medium jaringan integrasi perkongsian ilmu dalam kalangan ahli akademik disamping mengukuhkan jaringan kolabradi antara peserta yang terlibat seterusnya memperkuuh kedudukan USIM sebagai peneraju dalam integrasi ilmu Islam dan sains seiring dengan hala tuju pembangunan prinsip negara Madani.



## Hari Akademia USIM 2024

Majlis Sambutan Hari Akademia Peringkat USIM 2024 yang berlangsung pada 4 Oktober 2024 bertempat di Dewan Kuliah Sederhana 1.3, Fakulti Syariah dan Undang-Undang melalui kerjasama di antara Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia (PKAUSIM) dan Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (CTEL). Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani, Naib Canselor USIM dan turut dihadiri oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Adnan Mohamed Yusoff, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, YBrs. Profesor Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, YBrs. Prof Dr. Azman Ab. Rahman selaku Presiden PKAUSIM, YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Salhah Binti Othman selaku Pengarah CTEL, dekan-dekan fakulti dan ahli akademik USIM.

Sesi pelancaran majlis turut disusuli dengan gimik Pelancaran Kursus Micro-Credential USIM dan sesi penerimaan 5 kategori anugerah yang dipertandingkan. Seramai 56 penerima anugerah diraikan sebagai di atas

kualiti kerja yang ditonjolkan. Antara anugerah yang diberikan ialah Anugerah ePembelajaran merangkumi Anugerah Pengajaran Individu Sesi 2023/ 2024, Anugerah Pengajaran Berkumpulan Sesi 2023/ 2024, Anugerah Kursus Inovatif, Anugerah Penghargaan Pembangun Kursus Micro-Credential dan Anugerah Penerima Geran PKAUSIM.

Antara lain yang telah dijalankan ialah Pertandingan TED Talk Inovasi. Pertandingan ini melibatkan 12 orang peserta keseluruhan dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Pergigian, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Pertandingan ini berjaya mencungkil bakat pencipta inovasi yang menampilkan idea yang asli dan berinovasi, dengan penekanan pada kebolehlaksanaan dan impak idea tersebut. Anugerah ini menyerlahkan keupayaan akademia untuk berhujah selama 3 minit tentang idea inovasi, memastikan aspek kejelasan serta mutu keseluruhan pembentangan, dan semasa sesi soal jawab bersama barisan panel juri. Pingat emas Pertandingan TED Talk Inovasi ini telah di menangi oleh Dr. Faezah Rokhani dari Fakulti Pergigian dengan inovasi yang bertajuk ‘Reimagining Histology: Learning Through Pictionary and Power of Play’.





## Bengkel PKAUSIM Fi Qalbi Bil Kedua Tahun 2024

Pada 20 hingga 22 Disember 2024, bertempat di Admiral Cove, Port Dickson, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia (PKAUSIM) telah menganjurkan satu bengkel strategik yang bertujuan untuk memperkuuhkan perancangan dan hala tuju persatuan serta meningkatkan kerjasama antara ahli-ahlinya. Bengkel ini diadakan dengan matlamat utama untuk menyelaraskan visi dan misi persatuan dengan keperluan semasa dan masa depan, serta memastikan kebajikan ahli



akademik diberi tumpuan dan perhatian.

Bengkel strategik ini berjaya mencapai objektifnya dengan menghasilkan beberapa pelan tindakan yang konkret dan praktikal untuk dilaksanakan pada tahun 2025. Pelan tindakan ini melibatkan Biro Riadah & Rekreasi, Biro Kerohanian dan Kebajikan, Biro Akademik dan Latihan, Biro Antarabangsa dan Alumni, serta Biro Komunikasi dan Promosi.

Bengkel ini merangkumi beberapa sesi utama yang melibatkan pembentangan kertas kerja dan maklum balas aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024. Bengkel dimulakan dengan pembentangan program 2024 oleh ketua biro yang bertanggungjawab. Sesi ini melibatkan

analisis SWOT untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan cabaran program yang telah dilaksanakan.

Seterusnya, sesi perbincangan dan perancangan strategik dalam kalangan ahli biro dilaksanakan untuk merangka kertas kerja baru bagi perancangan aktiviti tahun 2025 beserta bajet yang diperlukan. Sepanjang sesi ini, perbincangan mendalam mengenai pelan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai matlamat jangka panjang telah diadakan. Setiap biro telah menerima maklum balas daripada Presiden PKAUSIM untuk memastikan misi dan visi PKAUSIM tercapai.



Penerbit:

**Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)**  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai Negeri Sembilan

---

Editor:

Dr. Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee  
Dr. Haslinawati Mohd Mustapha  
Dr. Nur Ilyana Ismarau Tajuddin  
Dr. Wan Muhammad Shaker Wan Adnan

Co-editor:

Dr. Rezki Perdani Sawai  
Pn. Siti Rubaini Mat